

**NO. SOALAN: 17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA  
MERICAN [KEPALA BATAS ]**

**TARIKH : 19 JUN 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Seri Reezal Merican Bin Naina Merican [ Kepala Batas ]**  
**minta PERDANA MENTERI menyatakan perincian kejayaan Koridor Utara**  
**Malaysia yang diuruskan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara**  
**(NCIA) setakat Jun 2014 daripada sudut pelaburan dan peningkatan**  
**peluang pekerjaan.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di dalam Rangka Tindakan Koridor Utara, inisiatif-inisiatif di dalam setiap sektor ekonomi utama telah dikenal pasti bagi memastikan ekonomi di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (Koridor Utara) berkembang dengan lebih maju dan berdaya saing. Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah ditubuhkan sejak tahun 2008 sentiasa bekerjasama dengan kerajaan pusat dan negeri untuk memastikan inisiatif-inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar.

Pencapaian dari sudut pelaburan dan pengwujudan peluang pekerjaan telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dari tahun ke tahun. Jumlah pelaburan dan peluang pekerjaan yang diwujudkan dari tahun 2010 sehingga tahun 2013 adalah seperti berikut.

<b>Jumlah Pelaburan</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>
	RM6.078 bilion	RM9.914 bilion	RM12.276 bilion	RM10.670 bilion
<b>Peluang Pekerjaan</b>	15,898	10,369	16,335	18,403

Sekian, terima kasih.